

## **BAHASA DAN PEMIKIRAN DALAM DIKIR BARAT**

**Zul Hanis Yop Othman & Che Ibrahim Salleh**

zhyo1991@gmail.com  
Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

**Article History:**

**Received:** 22 August 2022

**Accepted:** 25 May 2023

**Published:** 27 December 2023

### **ABSTRAK**

Artikel ini membincangkan bahasa dan pemikiran Melayu, secara tersiratnya dikupas melalui lirik dikir barat. Dikir Barat merupakan salah satu khazanah turun-temurun yang terkenal di negeri Kelantan. Perbahasan tentang aspek pemikiran dan bahasa ini sebenarnya merupakan keseluruhan pandangan atau fikiran seseorang individu yang merangkumi segala aspek pengetahuan, pemerhatian atau pendirian yang menjadi asas pendidikan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti falsafah dan pemikiran Melayu dalam dikir barat dan dianalisis dengan menggunakan hipotesis Sapir-Whorf. Dalam konteks penulisan ini, wadah yang digunakan ialah lirik dikir barat yang diharapkan menjadi wadah ke arah pembentukan pemikiran yang kritis dan kreatif. Menerusi kaedah kualitatif dan anilisis kandungan teks lirik lagu, beberapa dikir barat telah dipilih secara rawak yang mempunyai unsur nasihat, dakwah, kritikan dan mesej yang berguna kepada masyarakat. Hasil kajian mendapati lirik lagu dikir barat mempunyai nilai pengajaran yang sangat tinggi dan sarat dengan nilai estetika yang berguna kepada masyarakat kerana mempunyai nasihat, kritikan dan mesej. Kajian ini membuktikan bahawa bahasa dan pemikiran serta falsafah dalam lirik lagu dikir barat yang dikaji saling berhubungan seperti yang diungkapkan dalam hipotesis Sapir- Whorf. Tuntasnya, lirik lagu dikir barat yang dikaji mempunyai ketinggian pemikiran dan gaya kreatif masyarakat Melayu dalam melahirkan ciptaan lirik lagu yang sarat dengan nilai moral yang positif.

**Kata Kunci:** bahasa, pemikiran, dikir barat, lirik lagu, Hipotesis Sapir Whorf.

### ***LANGUAGE AND THOUGHT IN ‘DIKIR BARAT’***

### **ABSTRACT**

*This article discusses the Malay language and thought, implicitly revealed through dikir barat lyrics. Dikir Barat is one of the famous generational treasures in the state of Kelantan. The debate about this aspect of thought and language is actually the entire view or mind of an individual that includes all aspects of knowledge, observation or stance that is the basis of education. In relation to that, this study was conducted with the aim of identifying Malay philosophy and thought in the western dikir and analyzed using the Sapir-Whorf hypothesis. In the context of this writing, the vehicle used is dikir barat lyrics which are expected to be a container towards the formation of critical and creative thinking. Through qualitative methods and content analysis of song lyrics, some dikir barat have been randomly selected that have elements of advice, preaching, criticism and useful messages to the community. The results of the study found that the lyrics of dikir barat songs have a very high teaching value and are loaded with aesthetic values that are useful to the community because they have advice, criticism and messages. This study proves that language and thought and philosophy in the lyrics of dikir barat songs are interrelated as expressed in the Sapir-Whorf hypothesis. After all, the dikir barat song lyrics that*

were studied have the height of thinking and the creative style of the Malay community in creating song lyrics loaded with positive moral values.

**Keywords:** language, thought, western dikir, song lyrics, Sapir Whorf Hypothesis.

## PENGENALAN

Dikir merupakan satu cabang seni yang boleh dikategorikan puisi Melayu tradisional tempatan di Kelantan. Menurut Norhafidah Ibrahim et al (2018), dikir barat satu seni yang popular di negeri Kelantan serta diminati oleh semua lapisan masyarakat, baik masyarakat Melayu mahupun bukan Melayu. Hal ini demikian, kerana lirik dikir barat bukan sekadar nyanyian untuk berhibur sahaja, malah ada unsur nasihat, dakwah dan kritikan sosial yang melibatkan kehidupan komuniti masyarakat, khususnya di negeri Kelantan itu sendiri. Kebanyakan nyanyian tempelan lagu dikir barat sangat menitikberatkan isu semasa yang menjadi bualan, dan diterjemahkan dalam lirik, dan disampaikan oleh tukang karut secara berkumpulan. Dalam penciptaan lirik dikir barat juga, pendikir akan mempamerkan roh jiwa disertakan muzik asli klasik, yang disampaikan dalam dialek Kelantan. Lirik seperti ini sangat diminati oleh masyarakat setempat.

Dikir barat ialah satu permainan tradisional yang sangat diminati oleh masyarakat Melayu, yang biasanya di pinggir kampung (Siti Norasliza Othman, 2012). Tambahnya lagi, dikir barat ini bukan saja untuk berhibur semata-mata, malah turut dipertandingkan. Hal ini kerana dikir barat dipersembahkan secara beramai-ramai. Keanggotaan terdiri daripada dua ahli penyanyi utama, iaitu satu sebagai tukang karut dan satu lagi bertindak sebagai pembantu dikenali sebagai tok juara dan yang lain ialah awak-awak sebagai pengikut suara irungan. Tukang karut dan tok juara akan menyampaikan lagu-lagu seakan berbalas pantun, dan awak-awak akan turut serta menyanyi, sambil duduk di samping membuat ragam tarian. Suara latar awak-awak sangat menghidupkan lagi lagu-lagu yang dipersembahkan. Pemilihan kata-kata daripada tukang karut dan tok juara perlu bijak dan mempunyai jalan cerita, agar mesej yang utama disampaikan jelas dan bertepatan dengan tema. Kata-kata yang dilakukan sangat mudah difahami dan diingati oleh pendengar atau penonton.

Menurut Arba'ie Sujud (1999), aspek kehidupan dalam lirik dikir barat sangat berkait rapat dengan pemikiran dan idea pencipta lirik itu sendiri. Kadang kala, kisah sebenar yang dizahirkan dalam bentuk tulisan dan ditambahkan lagi dengan inspirasi jiwa, dan idea pemilihan kata-kata yang membangkit jiwa sangat terpahat di hati pendengar. Kebanyakan lirik dikir barat ini dicipta untuk memberikan kebenaran kepada latar sosial kehidupan sebenar, yakni dijadikan alat untuk memberikan mesej dalam bentuk sindiran, nasihat, penghargaan, dakwah, pengajaran, dan kritikan kepada masyarakat. Hadijah Rahmat (2006) berkata, bahasa pembikinan lirik dikir barat ini ialah satu kelainan daripada bahasa ilmiah kerana terhasil satu seni muzik yang tradisional dengan keindahan bahasa puitis. Ungkapan indah dan sarat dengan mesej disampaikan dengan penuh semangat oleh tukang karut dan tukang juara serta awak-awak sangat tersemat di hati para pendengar atau kumpulan sasaran.

## HUBUNGAN BAHASA DAN PEMIKIRAN DALAM DIKIR BARAT

Menurut Nirwana Sudirman et al (2016), bahasa merupakan salah satu pemikiran yang mencerminkan diri dan kehidupan penutur. Zaitul Azma Zainon Hamzah et al (2011) pula berkata, bahasa merupakan cerminan bangsa kerana melalui kata-kata dapat mempamerkan sikap, pemikiran dan perilaku yang diidentifikasi dalam pertuturan. Arbaie Sujud (1999) turut menjelaskan bahawa lirik tradisional, seperti dikir barat mempunyai aspek keindahan yang boleh dinilai berdasarkan beberapa nilai estetika. Lirik dikir barat mempunyai unsur makna tersirat dan tersurat yang boleh dijadikan wahana pendidikan kepada kanak-kanak dan golongan muda. Penyampaian dengan bahasa halus dan lembut dapat menarik minat pendengar dan mudah faham akan kata-kata yang diungkapkan.

Selaras dengan pendapat Norasmat Mustapha (1998), nilai estetika dalam lirik lagu dikir barat mempunyai unsur tertentu yang boleh mendidik jiwa pendengar. Hal ini kerana pemikiran juga terpancar dalam lirik untuk mudah difahami dan ditafsirkan oleh khalayak. Justeru, sejauh manakah

penutur membentuk bahasa dan idea pemikiran untuk merefleksikan pandangan dalam lirik dikir barat sebagai pengajaran dan bukan berhibur semata-mata. Pendikir secara langsung akan mempermudah bahasa cerita melalui kisah berlatarbelakangkan isu semasa masyarakat umum, agar pendengar mendapat sesuatu pengajaran. Mohd Fahim Ismail (2013) berkata, pendikir yang kaya dengan unsur kreativiti dan mengandungi mesej tetapi malangnya tidak mendapat perhatian daripada golongan pelajar dan ahli akademik. Hal ini menyebabkan kajian dikir barat ini kurang diterokai kerana golongan yang kurang meminati dikir barat atau bukan jati Kelantan, sememangnya tidak memandang dan mendengar lagu dikir barat ini walhal ia sarat dengan pengajaran dan iktibar dalam kehidupan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengenal pasti falsafah dan pemikiran Melayu dalam dikir barat.
2. Menganalisis falsafah dan pemikiran dalam lirik lagu dikir barat dengan menggunakan hipotesis Sapir-Whorf.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah kualitatif dipilih oleh pengkaji dalam kajian ini. Kajian ini turut menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mengumpul data dan analisis data bersumberkan kandungan teks lirik lagu dikir barat yang terpilih. Oleh sebab kajian ini memfokuskan kepada analisis terhadap dikir barat, maka kaedah ini menyumbangkan kelebihan kepada pengkaji untuk lebih dekat dengan teks yang akan dianalisis. Di samping itu, pengkaji menggunakan Hipotesis Sapir-Whorf bagi menganalisis lirik lagu dikir barat berkenaan.

## **TEORI RELATIVITI LINGUISTIK DAN HIPOTESIS SAPIR-WHORF**

Teori Relativiti Linguistik yang menjadi dasar Hipotesis Sapir-Whorf, mengungkapkan bahawa hubungan antara bahasa, pemikiran manusia dan budaya saling berhubungkait. Fikiran dan tanggapan seseorang boleh bergantung melalui struktur dan kosa kata dalam bahasanya yang digunakan semasa berfikir. Penekanan “*the structure of the languages we speak affects the way we perceive the world about us*” menceritakan bahawa struktur bahasa telah menggambarkan kaedah penutur memandang dunianya dan bagaimana budaya mempunyai hubungan dengan bahasa (Jufrizal, Zul Amri & Refnaldi, 2007).

Boas, Sapir dan Whorf mempolopori Teori Relativiti Linguistik menyatakan bahawa manusia berbicara dengan cara yang tidak sama kerana setiap manusia berlainan cara pemikiran. Manusia akan berfikir dengan cara yang berbeza kerana setiap bahasa menawarkan cara mengungkapkan mana tentang dunia persekitaran dengan cara yang berbeza juga. Sejakar dengan it Hipotesis Sapir-Whorf juga menjelaskan penggabungan linguistik, iaitu bahasa menentukan pemikiran dengan relativiti linguistik iaitu tidak ada batasan pada kepelbagaiannya struktural sesuatu bahasa. Bahasa ditentukan oleh cara penutur itu berfikir. Cara seseorang penutur berfikir dan melihat bahasa tergambar menerusi penggunaan perkataan-perkataan itu dengan lebih meluas. Hal in kerana penutur cuba memaksimumkan fungsi sesuatu perkataan untuk mengungkapkan idea yang hendak disampaikan seperti dalam dikir barat. Bahasa menyerap dalam setiap fikiran dan cara penutur memandang dunianya.

Effendy Kadarisman (2009) menyatakan bahawa Hipotesis Sapir-Whorf memiliki dua versi iaitu versi ekstrem dan versi sederhana. Versi ekstrem ialah bagaimana bahasa pertama menetukan sesuatu realiti dan versi sederhana pula ialah sejauh mana pengaruh realiti kepada bahasa pertama. Realiti pada hakikatnya lebih merupakan realiti mental, iaitu perikiran. Pola-pola pemikiran manusia dipengaruhi oleh bahasa pertama dan budaya selempat. Malah terdapat konsep dalam pemikiran manusia yang merujuk kepada sesuatu objek yang wujud dalam alam sekeliling kita. Terdapat sesuatu yang universal pada bahasa, dan dalam konteks ini penulis merujuk kepada lirik lagu dikir barat. Tegasnya bahasa menjadi alat atau wadah untuk menyampaikan pesan atau mesej kepada penutur dan pendengar.

## FALSAFAH DAN PEMIKIRAN DALAM DIKIR BARAT

### Unsur Sindiran Dalam Dikir Barat

Menurut Nor Diyana Saupi et al (2013), lirik dikir barat ini sangat realisme dalam kehidupan sejagat. Unsur sindiran halus digunakan dalam penyampaian bahasa atau perwatakan agar pendengar tidak berasa tersinggung. Sebagai contoh, unsur sindiran yang disampaikan melalui watak kucing dan itik dipilih oleh pendikir kerana terdapat persamaan perwatakan manusia. Hal ini dapat menjaga sensitiviti masyarakat agar tidak mudah tersinggung dan marah. Peranan tukang karut amat besar dalam penyampaian lagu dikir barat ini kerana telah meletakkan haiwan dan unsur alam dalam latar cerita, agar menjadi pengganti kepada manusia supaya sindiran itu tidak jelas terpancar dan merasakan hiburan pada lirik tersebut. Sedangkan sindiran itu jelas berkait rapat dengan isu semasa dalam kehidupan kini. Sebagai contoh, kes penyalahgunaan dadah, remaja rosak akhlak, kes buang bayi, mat rempit, dan isu pendatang tanpa izin. Ini dapat dilihat menerusi lirik dikir barat yang berikut;

*Kucing Banggela Jago-Jago Adik Kalate  
Peranga Supo Ula Dio Panda Putar Belit  
Kecek Dio Panda Lebih Pado Bomo Tabik  
Lambat Klipa Anok Ore Bini Ore Dio Nok Kelek  
Kucing Paling Bahyo Kucin Tino Bako Siam  
Panda Kecek Ore Kito Sapo-Sapo Hok Duit Sake  
Lembut Tutur Kato Manggil Saye Abe  
Kalu Dea Gilo Teriok Anok Bini Tingga Belake*

**(Dikir Kucing: Pok Ya Mangkuk)**

Pendikir Pok Ya Mangkuk ini sememangnya aktif dalam dunia dikir barat. Dalam lagu *Dikir Kucing* di atas, idea pemikiran pencipta lirik, iaitu Cikgu Naim telah berupaya mencungkil dua jenis watak manusia daripada empat jenis watak manusia dalam lagu dikir ini. Watak kucing yang digambarkan dalam lirik lagu ini telah memberikan sindiran yang berguna dan mesej yang tajam kepada pendengar. Kucing dalam watak cerita dikir barat ini difahami mewakili sifat lelaki dari Bangladesh dan wanita dari Siam (Thailand). Kucing telah diberi watak antagonis, kerana Cikgu Naim telah mengetengahkan idea dan pemikiran beliau dengan watak binatang, iaitu kucing melalui watak negatif. Antara ciri negatif yang dimaksudkan ialah pandai menipu, mahir memikat dan pandai bercakap sehingga dapat melarikan anak dan isteri orang, pandai menggoda, tiada perasaan malu, dan suka menganiaya orang lain. Pemikiran pencipta melalui watak binatang kucing ini sangat halus permainannya agar tidak menyenggung perasaan dan amarah masyarakat tentang lagu ini.

Jika sifat kucing telah dijelaskan dengan watak dua jenis sifat manusia, lagu seterusnya ialah dijelmakan pula sifat itik dengan perwatakan manusia yang negatif seperti akhlak yang rosak. Pemikiran pencipta telah menjelaskan persamaan unsur negatif antara watak itik dengan manusia boleh difahami menerusi ciri-ciri persamaan sifat dan perwatakan kedua-dua entiti tersebut setelah analisis terhadap penterjemahan makna daripada domain sumber kepada domain sasaran. Watak itik digunakan untuk menjelaskan sifat negatif manusia yang mengalami kejutan budaya, masalah pergaulan bebas, sehingga menyebabkan berlakunya gejala buang anak. Hal ini dapat dihayati dalam lirik di bawah;

*Gejalo Bue Anok Ala Tue Banyok Bena  
Jadi Manusio Tegamok Ala Tue Bunuh Anok Sediri  
Kelemohe Itik Kapung Apobilo Masuk Ke Banda  
Kade-Kade Nyo Cucok Hidung Rambut Hite Dio Kala Hija Dio Tok Paka Doh Kain  
Sarung Sakak Mano Dio Kena Selua  
Kade-Kade Di Kolo Lupo Tok Leba Tengok Sapa Cabut Semuta*

**(Ini Kisah Itik: Cikgu Naim)**

## **Unsur Dakwah Dan Nasihat Dalam Dikir Barat**

Berbagai-bagi cara atau saluran yang boleh digunakan untuk mencampaikan dakwah dan nasihat. Antaranya menerusi lagu dikir barat. Kebanyakan lagu dikir barat oleh pendikir Kelantan menyerlahkan nasihat, dan pada masa yang sama, untuk berdakwah. Medium ini diharapkan dapat memberikan sumber pengajaran dan iktibar yang tinggi kepada peminat- dikir, agar terus berada dalam keredaan Allah SWT. Justeru, pencipta lagu dikir barat ini sangat berani, mencipta lagu yang berunsur sedemikian, sekurang-kurang dapat berdakwah dan memberikan khidmat nasihat menerusi dikir barat.

Di Kelantan misalnya, dikir barat sebagai satu genre seni yang sangat digemari oleh masyarakat tidak kira umur, baik kanak-kanak mahupun golongan dewasa. Dikir ini satu media yang bukan elektronik untuk menyampaikan wadah ilmu dakwah dan nasihat, selain maklumat terkini. Oleh itu, peranan tukang karut dan tukang juara ini sangat tinggi kerana mereka berfungsi sebagai penyampai maklumat semasa dan mendidik masyarakat. Bukan kecil peranan dua tukang dikir ini, kerana pemikiran mereka dalam menyampaikan dakwah dan nasihat menerusi lagu, sangat berguna ketika mengadunkan lagu dikir barat itu. Jika dilihat menerusi lirik dikir di bawah:

*Duk Sore-Sore Hai Nyo Pikir Banyak Baso  
Di Masjid Ore Duk Bang  
Kita Neggun Atah Tango  
Ore G Smaye Kito Duk Sajo  
Beli Kain Serbe Ko Duk Sakuk Di Jendelo  
Ingat Tak Dok Pekdoh Hidup Jadi Ore  
Tubuh Tuo Doh Tak Rajin Smaye  
Nak Belajar Fatihah Lidoh Pun Kure  
Mata Pun Tak Ceroh Kecek Lole-Lole  
Pade Kerah Lidoh Duk Raso Tak Dok Jale*

**(Dok Sore-Sore: Maarof)**

Maarof banyak menyanyikan lagu dikir yang berbentuk nasihat dan dakwah. Kebanyakan lagu beliau sangat sarat dengan pengajaran dan mesej yang berguna kepada masyarakat. Pemikiran beliau sangat dekat dengan kehidupan masyarakat, sehingga dapat mencipta lirik yang berkualiti dan berpengajaran. Sebagai contoh, lagu *Dok Sore-Sore* ialah lagu yang menceritakan kisah masyarakat yang tidak melaksanakan hukum Allah SWT, iaitu solat lima waktu, sedangkan kelengkapan dan pakaian solat sudah ada. Menerusi lagu ini juga, Maarof memperingati masyarakat supaya hidup mesti pandai membaca Al-Quran kerana ayat suci itu perlu dijadikan amalan harian agar lidah tidak keras untuk menyebut kalimah suci itu. Walaupun hidup kita di dunia ini lama, tetapi jika melanggar hukum – hakam Allah SWT, maka kita tidak berguna sebagai manusia. Hal ini jelas bahawa idea dan pemikiran Maarof sangat dekat dengan kehidupan masyarakat, kerana lagu beliau mempunyai unsur dakwah dan nasihat yang berguna kepada masyarakat.

Begini juga dengan lirik lagu dikir yang bertajuk *Dunia Akhirat* yang dinyanyikan oleh Ismail Gunung Ganang. Lirik lagu dikir barat ini juga menyalurkan unsur nasihat dan dakwah yang ditujukan kepada masyarakat setempat. Lagu ini mengisahkan masyarakat yang tidak kaya-raya, kemudiannya berjaya di dunia dengan kehidupan yang serba mewah. Namun, Ismail telah mengingatkan supaya tidak perlu mengejar sangat harta dunia yang tidak kekal, kerana tidak boleh dibawa ke dalam kubur. Ismail juga berpesan agar mesyarakat perlu beringat akan masa Allah SWT hendak mencabut nyawa, dan tidak akan mengetahui bila masa tersebut akan tiba. Dalam lagu ini juga, terdapat pesan yang mengatakan bahawa harta dan pangkat tidak akan dibawa bersama ketika meninggal dunia, malah yang akan dibawa ialah sekeping papan kayu dan kain kafan. Lagu oleh pendikir ini sangat memberikan pengajaran yang berguna. Hal ini dapat dihayati dalam lirik lagu di bawah:

*Hidup Seribu Tahun Harto Mung Bertimbun  
Namo Mung Disanjung Naik Tinggi Bagai Lambung  
Maso Tubuh Sihat Rupo Tiko Cantik  
Adakah Mung Buleh Royat Hari Mano Tuhe Nok Tarik  
Bilo Maso Sapa Kito Mesti Ingat Bowok Pape Sekeping Kain Putih Sekerat*  
**(Dunia Akhirat: Ismail Gunung Ganang)**

### Kritikan Sosial Dalam Dikir Barat

Dikir barat di Kelantan juga berfungsi untuk mengkritik sikap sesetengah masyarakat. Kritikan sosial yang terdapat dalam lirik dikir barat bertujuan untuk menegur masyarakat secara halus dan berhemah. Hal ini supaya mereka yang menjadi sasaran kritikan itu sedar akan sikapnya itu. Banyak lagu yang telah ditulis oleh pendikir terkenal di Kelantan. Antaranya ialah lagu berikut;

*Ingat Malu Kore Warih Warah Dok Pakat Kato,  
Tok Soh Lah Dok Kurban Kalu Tidak Baso Kayo  
Atar Sekolah Anak Jate Wak Ngabih Ko Hareta,  
Tidak Kato Nok Pakat Rate, Tolong Bantu Samah Dua*

**(Diri Ambo (Bangkit Asal 2): Halim Yazid)**

Melalui lirik lagu di atas, Halim Yazid telah menyampaikan idea pemikiran beliau sebagai kritikan sosial yang menyentuh sikap segelintir masyarakat yang beranggapan bahawa anak-anak orang miskin tidak akan berjaya dalam pelajaran. Bagi Halim Yazid, kemiskinan bukan alasan untuk anak-anak orang miskin tidak boleh menyambung pelajaran ke peringkat tinggi. Menerusi lagu ini juga, telah diingatkan supaya jika dapat peluang masuk ke universiti jangan sia-siakan peluang yang diberikan. Belajar dan terus menggali ilmu agar dapat membantu keluarga yang miskin.

Seterusnya, lagu dikir barat juga mempunyai unsur kritikan kepada masyarakat yang lalai dengan urusan dunia dan tuntutan agama diabaikan. Setiap manusia perlu ingat supaya segala perbuatan baik dan buruk akan dibalas dengan setimpal. Akhirat kelak akan dihitung segala amalan atas dunia dan manusia akan mendapat balasan syurga dan neraka atas kelakuan di atas dunia. Setiap dosa yang dilakukan di atas dunia, tidak boleh disesali di akhirat kelak kerana pada masa itu, sesalan pun tidak berguna lagi. Kritikan membina ini dinyatakan dalam lirik lagu di bawah:

*Oghe Kayo Oghe Sesok  
Keno Belako Tokleh Nok Elok  
Harto Ado Pun Jadi Tak Dok  
Anok Dighibo Seleghok Taghok  
Toksoh Duk Hibo Jeghik Mengisok  
Doso Nga Pahalo Hok Mano Mu Banyok*

**(Sangkakala: Halim Yazid)**

Kritikan sosial seterusnya ditujukan kepada sikap pemimpin. Menerusi lagu *Keperitan*, Halim Yazis telah memperjuangkan kehidupan masyarakat kampung, terutama yang tinggal di kawasan pedalaman, dan masih hidup dalam kemiskinan dengan kekurangan kemudahan asas, seperti bekalan elektrik, air paip dan kemudahan infrastruktur seperti sekolah, klinik, dan sebagainya. Pemikiran Halim Yazis jelas terpancar dan sangat sejajar dengan konflik kemiskinan dalam kalangan masyarakat. Dalam lagu ini, beliau telah mengkritik sikap pemimpin yang tidak menghiraukan kesusahan dan kemiskinan masyarakat di pedalaman. Golongan pemimpin dilihat hidup dengan mewah di bandar. Ini dapat dilihat menerusi lirik- dikir barat yang berbunyi:

*Apa Susoh Takdok Letrik Api Nok Wi Ceroh Buleh Buat Sediri  
Kerat Getoh Bakar Daley Bledi Benda Mudoh Pah Pulok Feree  
Apo Herey Takdok Air Paip Air Sungai Daley Buleh Pakat Amik  
Letey Puke Pikul Tunggey Terbalik Sukor Sembey Ni Doh Jadi Ralik*

**(Keperitan di Rimba: Halim Yazid)**

Lirik dikir barat ini juga tempat untuk menyalurkan kritikan sosial dengan menyindir golongan pemimpin yang tidak menjalankan amanah dengan baik dalam tugas sehingga berlaku masalah yang turut terjejas ialah masyarakat. Kepincangan dalam masalah sosial ini timbul oleh sikap pemimpin yang tidak menghiraukan bebanan yang ditanggung oleh masyarakat, walhal mereka dipilih oleh masyarakat itu sendiri. Tetapi dengan sikap pemimpin yang tidak berakhlik dan mempunyai agenda yang tersendiri, maka masyarakat yang menanggung akibatnya. Justeru, lirik dikir barat di bawah ini menceritakan sikap pemimpin yang sedemikian;

*Ini Kampung Tanah Rancangan  
Dibuka Tahun 80-An  
Ai Terkisoh Ikut Perancangan  
Cukup Rukuk Plan Pembangunan*

**(Keperitan di Rimba: Halim Yazid)**

Seterusnya, sepadai mana sekalipun, seseorang itu akan tetap mendapat balasan, akibat kejahanan yang dilakukan. Kritikan ini telah digambarkan melalui watak tupai, seekor binatang yang bersaiz kecil dan melakukan kesalahan dengan memakan buah-buahan dan hasil tanaman sehingga menimbulkan kemarahan. Namun, tupai ini akan mendapat balasan dan hukuman daripada manusia dengan ditembak atau diracun. Lihat lirik *Tupai* di bawah;

*Panda-Panda Tupai Melompat  
Jatoh Tanoh Jugok  
Nak Wi Gambar Ko Oghe Jahat  
Janget Telajok Manghok  
Janget Telajok Manghok*

**(Anak Tupai: Halim Yazid)**

### **Nilai Patriotisme Dalam Dikir Barat**

Semangat patriotisme dalam diri masyarakat perlu diterapkan sejak kecil lagi. Dalam dikir barat, banyak nilai patriotik yang digarap oleh pencipta lagu berkenaan. Semangat patriotisme yang diterapkan dalam lirik lagu dikir barat sangat wajar dilakukan, agar tidak luntur dalam kehidupan masyarakat kini, supaya terus memperingati warga terdahulu dalam memperjuangkan hak Melayu daripada terus dijajah. Lirik dikir barat di bawah ini telah menceritakan nilai patriotik;

*Tahun 2001 Budayo Melayu Segar Berkembey  
Tahun 2001 Budayo Melayu Segar Berkembey  
Kito Jago Janga Wi Layu Toksey Wi Punoh Ditangey Oghe  
Masuk Melangkah Ke Alaf Baru Berdayo Saing Ngan Bangso Oghe*

**(2001 Tahun Cabaran: Halim Yazid)**

Lirik di atas menceritakan nilai dan semangat patriotism, bukan sahaja perlu memperjuangkan kebebasan di tanah air, bahkan juga perlu memperjuangkan hak bangsa Melayu daripada terus diceroboh. Hal ini menyebabkan penulis telah menerapkan semangat ini kepada masyarakat menerusi lagu *2001 Tahun Cabaran*, agar masyarakat terus beringat supaya terus memperjuangkan hak Melayu agar tidak diceroboh oleh warga asing. Penulis juga berpesan agar orang Melayu tidak boleh berada

ditakuk lama, dan perlu berubah serta merebut peluang dalam pembangunan negara. Jika dilihat sekarang, anak Melayu mudah puas dengan apa-apa yang dimiliki, dan tidak mahu berusaha lebih, seperti bangsa lain yang sentiasa maju ke hadapan.

Semangat patriotik dalam kalangan remaja kini semakin kurang. Golongan ini lahir selepas kemerdekaan dan semangat ini semakin luntur dalam diri mereka. Semangat cinta akan negara dan keinginan untuk mengekalkan keamanan, tidak ada dan tidak dihiraukan oleh generasi ini. Justeru, menerusi lagu dikir barat ini, telah digarap dengan unsur patriotism agar mampu menjadi medium yang berguna, dan menyedarkan golongan remaja ini supaya terus bangkit memperjuangkan hak Melayu. Antara isu yang dibawa dalam lirik ini ialah kritikan terhadap masyarakat Melayu yang masih mempertahankan cara hidup lama, dan enggan menerima perubahan menyebabkan orang Melayu terus ketinggalan dalam semua aspek pembangunan berbanding dengan bangsa lain. Perkembangan ekonomi orang Melayu juga perlahan, dan tidak dapat menandingi kaum lain yang jauh ke hadapan. Fenomena ini berlaku berpunca daripada sikap mereka yang mudah berpuas hati dengan apa-apa yang mereka peroleh, dan miliki tanpa berusaha untuk merebut peluang yang ada demi membaiki taraf kedudukan masing-masing, supaya standing dengan bangsa lain.

*Apa Erti Kemerdeka'e  
Bagi Umat Melayu Kito  
Tak Boleh Terima Perubahe  
Anak Cucu Berputih Mato  
Orang Lain Rebut Peluwe  
Sanggupkah Tengok Sajo  
Masa Tetap Berjale  
Sesaat Tak Tunggu Kito  
Dilemo.. Dilemo... Dilemo Melayu Kito*

**(Dilema Melayu Kita: Cikgu Naim)**

Akhir sekali ialah isu keamanan negara. Menerusi dikir barat juga, terdapat pendikir yang mampu menjelaskan cerita tentang pejuang keamanan negara kepada masyarakat. Hal ini diketengahkan, supaya usaha yang telah dilakukan oleh masyarakat terdahulu untuk menjaga keamanan negara daripada penjajah diketahui oleh masyarakat kini. Lirik lagu *Tok Janggut* telah menjelaskan bahawa masyarakat perlu menghargai jasa mereka yang telah menggadai nyawa untuk menjaga keamanan negara. Penulis lagu ini mahu masyarakat terus berani mempertahankan hak. Lagu ini juga turut menyentuh perihal maruah negara yang perlu diletakkan pada tempat yang paling tinggi dan dijaga sehingga akhir hayat. Contohnya lirik berikut;

*Namo Tok Janggut Haji Mat Hasan  
Sejaroh Menyebut Sebagai Pahlawan  
Lawey Penjajoh Dibumi Sediri  
Tidak Menyeroh Sekali-Kali  
Bertumpah Daroh Hingga Ke Mati  
Jago Maruoh Melayu Jati  
Bertumpah Daroh Sampai Ke Mati  
Jago Maruoh Melayu Jati*

**(Tok Janggut: Halim Yazid)**

## KESIMPULAN

Melalui kajian dikir barat di atas, dapatlah disimpulkan bahawa warisan dikir barat perlu dikekalkan. Lirik dikir barat ini dapat memberikan mesej yang berguna kepada masyarakat. Hal ini demikian, kerana dikir barat ini merupakan medium tanpa elektronik yang berfungsi dalam masyarakat Melayu, sebagai satu wadah pemikiran dan idea penulis atau pencipta lagu untuk menggambarkan kehidupan sebenar

yang berlaku. Melalui medium ini, pencipta lagu dikir barat ini dapat menyampaikan dakwah, nasihat, kritikan dan mesej yang berguna kepada masyarakat umum, bukan hiburan semata-mata. Sebagai medium Pendidikan, dikir barat mampu untuk menegur secara halus perlakuan masyarakat, tanpa rasa tersinggung dan marah. Secara tidak langsung, apabila mendengar lagu dikir barat ini, masyarakat mendapat Pendidikan, sambil berhibur. Diharapkan, lirik dikir barat ini memberikan pedoman yang berguna kepada masyarakat terus-menerus. Penulis lirik selaku pendikir/tukang karut/tukang juara perlu memainkan peranan masing-masing, agar pemikiran dan idea yang berkisarkan kehidupan sejagat dapat dilestarikan untuk melahirkan modal insan yang berguna, khususnya golongan muda.

## **BIODATA**

*Zul Hanis Yop Othman* merupakan calon Doktor Falsafah di Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

*Che Ibrahim Salleh* merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Email: cibrahim@upm.edu.my.

## **RUJUKAN**

- Arba'ie Sujud. (1999). "Estetika dalam lirik lagu nyanyian P. Ramlee". Tesis Sarjana Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Effendy Kadarisman. (2009). Karya dosen. (Atas Talian). Telah dimuat turun 4 Februari 2011, dari <http://karya-ilmiah.um.ac.id/index.php/karya-dosen-fs/article/view/3689>
- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamidah Yaacob. (2010). "Hiburan tradisional Kelantan", dalam Khoo Kay Lim. (ed.). *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
- Jufrizal Zul Amri & Refnaldi. (2007). Hipotesis Sapir-Whorf dan struktur informasi klausa pentopikal bahasa Minangkabau. *Jurnal Linguistika*, 14(26), 1-22.
- Mohd Fahim Ismail. (2013). "Unsur Estetika dan Perjanjian dalam Lirik Dikir Barat Halim Yazid". Latihan Ilmiah, bachelor, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Fahim Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2016). "Unsur Amanat dan Impak Lirik Dikir Barat Halim Yazid". *International Journal of language education and applied linguistics (IJLEAL)* Vol. 4, 67-80.
- Nirwana Sudirman et al. (2016). "Pantun Melayu sebagai Cerminan Kebitaraan Perenggu Minda Melayu". *Jurnal Melayu*, 15(2)2016
- Nor Diyana Saipi et al. (2013). "Kekayaan Unsur Anthropomorphisme dalam Lagu Dikir. Analisis berdasarkan linguistik kognitif". *Jurnal Rampak Serantau*, 20 April, 1- 14.
- Norhafidah Ibrahim et al. (2018). "Kritikan Sosial dalam Lirik Lagu Dikir Barat". *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 3(9), 15 - 24.
- Norasmat Mustapha. (1998). "Unsur Estetika Dalam Lagu Dikir Barat di Kelantan". Latihan ilmiah, Bacelor, Universiti Putra Malaysia.
- Siti Norasliza Othman. (2012). Makna Leksikal dalam Lirik Lagu Dikir Barat. Dimuat turun 17 Jun 2021, dari <https://sitinoraslizaothman.wordpress.com/2012/04>
- Zaitul Azma Zainon Hamzah et al. (2011). "Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu". GEMA *Online Jurnal of Language Studies Volume 11(3) September 2011*